

UCAPAN ALUAN
YBHG TAN SRI DR. MOHD IRWAN SERIGAR BIN ABDULLAH
KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN
DI MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG
27APRIL 2017
BERTEMPAT DI DEWAN UTAMA, KEMENTERIAN KEWANGAN PUTRAJAYA

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam
Ngaraku.

**YANG AMAT BERHORMAT DATO' SRI MOHD NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL
RAZAK**

Perdana Menteri Malaysia merangkap Menteri Kewangan

YANG BERHORMAT DATO' SERI JOHARI BIN ABDUL GHANI

Menteri Kewangan Kedua,

YANG BERHORMAT DATO' WIRA OTHMAN AZIZ

Timbalan Menteri Kewangan I

YANG BERHORMAT DATO' LEE CHEE LEONG

Timbalan Menteri Kewangan II,

YBHG. DATUK SERI HASHMUDDIN MOHAMAD

Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pengurusan)

YBHG. DATO' SITI ZAUYAH MD DESA

Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Dasar)

YBHG. DATO' DR MOHAMAD ISA HUSSAIN

Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pelaburan)

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN PERBENDAHARAAN

KETUA-KETUA JABATAN DAN AGENSI DI BAWAH KEMENTERIAN KEWANGAN

PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG YANG DIRAIKAN SEKALIAN

Tuan-tuan dan Puan-puan Sekalian,

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah swt atas limpah rahmat dan izin-Nya dapat kita sekali lagi berada di dalam dewan ini sempena Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun 2016.
2. Bagi pihak warga Perbendaharaan, saya ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan di atas kesudian beliau meluangkan masa untuk hadir dan seterusnya menyampaikan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Perbendaharaan bagi Tahun 2016 kali ini. Majlis APC ini merupakan majlis tahunan bagi memberi penghargaan kepada anggota Perbendaharaan yang telah berkhidmat dengan cemerlang sepanjang tahun 2016.
3. Hari ini merupakan hari yang amat bermakna kepada penerima anugerah kerana **pertama**, ianya adalah penghargaan kerajaan kepada anggota Perkhidmatan Awam yang telah menunjukkan prestasi cemerlang dalam bidang tugas dan kerja masing-masing. **Kedua**, kerana penerima anugerah pada pagi ini merupakan mereka yang mempunyai potensi, karakter dan bakat yang boleh dijadikan model teladan kepada rakan-rakan penjawat awam yang lain di Perbendaharaan Malaysia, khususnya.

4. Bagi penjawat awam, majlis seumpama ini adalah suatu yang memberikan kepuasan terhadap usaha, komitmen dan pengorbanan dalam mengharungi arus kerjaya masing-masing. Mereka ini sanggup bekerja lebih daripada kebiasaan dengan matlamat untuk meningkatkan prestasi perkhidmatan awam amnya dan Perbendaharaan khususnya. Cemerlang bukanlah sesuatu yang mustahil untuk dicapai namun tidak pula mudah untuk dilaksana sepenuhnya.
5. Justeru, saya ingin menzahirkan ucapan tahniah kepada mereka yang berjaya menjadi warga contoh kepada yang lain. Tuan/puan yang terpilih sebagai penerima ini hendaklah sentiasa berusaha mengekalkan momentum prestasi kerja yang cemerlang.

PENGIKTIRAFAN WARGA PERBENDAHARAAN SEBAGAI PENJAWAT AWAM

Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

7. Untuk makluman YAB Dato' Sri /tuan/puan sekalian, seramai 81 pegawai Perbendaharaan layak diperakukan untuk menerima APC 2016. Ini adalah berdasarkan kuota sebanyak 5% daripada 1,546 jumlah pengisian pegawai Perbendaharaan sehingga tahun berakhir 31 Disember 2016. Senarai penerima tersebut telah dimuktamadkan dalam Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 2017 yang telah diadakan pada 24 Mac 2017 yang lalu.
8. Pada tahun ini juga Mesyuarat telah memilih seorang penerima untuk Anugerah Kecemerlangan Khas Jawatan Utama Sektor Awam Perbendaharaan Bagi Tahun 2016.

9. Panel turut bersetuju supaya kuota pencalonan penerima APC 2016 ditetapkan pada kadar 5 peratus bagi setiap Bahagian memilih pegawai yang telah memberikan perkhidmatan cemerlang.
10. Bagi mereka yang tidak terpilih sebagai penerima APC pada tahun ini, janganlah berputus asa. Jadikan ia sebagai pencetus semangat untuk menggandakan usaha dengan meningkatkan kualiti, produktiviti dan kreativiti kerja.
11. Pengiktirafan tuan-tuan dan puan-puan sebagai seorang warga kerja yang cemerlang akan memberi motivasi sebagai rakan-rakan yang lain dalam melaksanakan fungsi harian. Pengiktirafan juga memberi kesan sangat besar untuk seseorang meningkatkan komitmen dan prestasi kerja.

FUTURISTIC THINKING

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Saya Hormati Sekalian,

12. Dalam banyak-banyak taklimat, ucapan dan majlis kongsi pengetahuan dan pengalaman, saya suka untuk mengetengahkan idea mengenai *Futuristic Thinking* untuk dijadikan amalan dalam kita melaksanakan tugas kita untuk mencapai tahap yang lebih tinggi lagi di masa akan datang.
13. *Futuristic thinking requires the people to start thinking outside the box with some ability to predict, not restricting themselves to the tried and tested methods, and not just benchmarking but aiming for quantum leap to bring continuous change.*
14. *The country needs to channel its efforts towards innovation and creativity, improve its technological capabilities or adapt suitable technologies from overseas.*
15. *Futuristic thinkers have the ability to look past the events of today and into the possibilities of tomorrow. They can visualize compulsory new ideas*

about customers, products, services, strategies and business models. Tomorrow's leaders will need to think further into the future, and implement ideas in a timely manner, to remain competitive in a world that will change faster than we can understand. In this section, you will learn skills needed to sharpen your ability to predict changes long before your competition.

16. Justeru setiap warga Perbendaharaan harus mempunyai pemikiran futuristik dalam dunia yang penuh dengan kompetitif ini. Kita harus berfikir di luar kotak dengan keupayaan untuk meramal dengan mencuba sesuatu yang diluar kebiasaan dan bukannya sebagai penanda aras tetapi menyasar lonjakan untuk membawa perubahan yang berterusan kepada Kementerian Kewangan khususnya dan kepada negara amnya.
17. Dengan itu kita akan dapat menggambarkan idea-idea baru, memperbaiki perkhidmatan dan mempunyai strategi yang boleh meningkatkan lagi perkhidmatan kita kepada rakyat dan negara. Berfikirlah lebih jauh ke depan dan melaksanakan idea-idea dengan cara yang tepat pada masanya untuk kita kekal berdaya saing dalam dunia yang akan berubah lebih cepat daripada kita boleh faham.

STATUS PROGRAM / INISIATIF DAN PENCAPAIAN KEMENTERIAN KEWANGAN 2016

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

18. Setakat ini, Kementerian Kewangan telah dan sedang melaksanakan inisiatif dan program Kerajaan terutamanya inisiatif Bajet 2017 yang banyak memberi manfaat kepada rakyat terutamanya di dalam golongan B40 dan M40. Antaranya:
 - i) Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) – keseluruhan lulus (termasuk kegagalan SSM) adalah 6,955,440 dengan 3,667,862 (kategori isirumah <RM3,000); 353,261 (kategori isirumah RM3,001-

RM4,000); 2,934,317 (kategori individu <RM2,000). Jumlah keseluruhan RM6,039,811,950.

- ii) MyBNHome – 50 unit rumah telah hampir siap di Perak. Di beberapa negeri lain juga dalam proses pembinaan
- iii) Pengecualian Cukai Pendapatan Gaya Hidup – boleh dinikmati oleh semua pembayar cukai pendapatan terhadap pembelian alat sukan, bahan bacaan dsb
- iv) Empat UTC baru telah dikenalpasti di Perlis, Pulau Pinang, Selangor dan Negeri Sembilan. Bagi tempoh 2013 hingga 2017 (Mac), sebanyak 45,866,560 pelanggan telah mendapatkan perkhidmatan yang disediakan di UTC-UTC sedia ada dengan UTC Perak mencatat pelanggan terbanyak yang menggunakan perkhidmatan yang disediakan di UTC tersebut (621,040).
- v) Pusat Transformasi Komunikasi Bergerak (CTC Mobile) – Unit Strategi Nasional telah melaksanakan 41 program daripada 100 di seluruh negara sepanjang tahun ini. Pada tahun ini beberapa elemen baru diperkenalkan iaitu Job Registration dan Job Interview, penyertaan IJN dan alat bantu pendengaran dan panduan peperiksaan dan sesi motivasi.
- vi) Pada 30 April ini Kementerian Kewangan akan melaksanakan Program Bahasa Inggeris 1Malaysia di Kelantan diikuti negeri-negeri yang lain. Program ini menyediakan sesi pengajaran komunikasi asas Bahasa Inggeris kepada rakyat Malaysia terutama di kawasan bandar dan luar bandar bagi meningkatkan keyakinan mereka seterusnya menjadikan Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua di Malaysia. Malah, BI1M bukan sahaja meningkatkan penggunaan Bahasa Inggeris di kalangan rakyat, ia turut menyumbang kepada pembangunan Malaysia sejajar dengan aspirasi kerajaan untuk muncul sebagai Negara ekonomi maju. BI1M terbuka kepada semua rakyat Malaysia seawal 7 tahun hingga 77 tahun, terutamanya di kalangan usahawan/peniaga kecil-kecilan, suri rumah, pesara, kanak-kanak dan remaja yang mempunyai pendapatan isi rumah RM4,000 dan ke bawah yang

ingin meningkatkan kemahiran Bahasa Inggeris mereka. Program ini akan dilaksanakan di 17 Pusat Transformasi Bandar (UTC) dan Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) di seluruh Malaysia.

- vii) Kementerian Kewangan melalui Pejabat Pembangunan Keusahawanan Nasional (NEDO), Unit Strategi Nasional (NSU) dan dengan kerjasama Malaysian Global Innovation and Creativity Centre (MaGIC) sekali lagi akan menganjurkan acara keusahawanan "Gabungan Rakan Entrepreneur, Aspirasi Terhebat" (GREAT). Program GREAT pada kali ini akan diadakan di **Kota Kinabalu, Sabah pada tarikh 6-7 Mei 2017 (Sabtu & Ahad)**. Program GREAT tahun 2017 ini akan menghimpunkan usahawan-usahawan Negeri Sabah di bawah satu platform bagi memperolehi akses kepada khidmat nasihat, peluang pasaran, dana pembiayaan dan peluang untuk berusaha sama. Insyaallah, Program GREAT ini akan dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri pada 6 Mei 2017 dan disasarkan bakal menarik minat penyertaan seramai lebih 5,000 orang peserta.
 - viii) Pesta Sukan Perbendaharaan 2017 akan diadakan mulai 3 Mei 2017 hingga 15 Mei 2017. Pesta Sukan seperti ini yang diadakan secara tahunan oleh agensi dan sektor-sektor yang bernaung di bawah Kelab Perbendaharaan, begitu signifikan dengan tujuan untuk membentuk satu pasukan petugas yang mempunyai daya saing, komited dan berdisiplin yang tinggi.
19. Selain itu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada warga Kementerian Kewangan amnya dan Bahagian Strategik Korporat dan Komunikasi khasnya yang telah berjaya menganjurkan Hari Terbuka Kementerian Kewangan 2017 yang telah menarik lebih kurang 20,000 pengunjung berdaftar. Pelbagai agensi, badan berkanun, GLCs, NGOs dan orang perseorangan telah mengambil bahagian masing-masing dalam pelbagai acara yang disediakan.

20. Bersempena Hari Terbuka itu, kita telah lancarkan SSPY 2017, EKSA dan lima buku NBOS di samping Sesi Dialog Perdana Mengenai TN50 bersama YB Khary Jamaluddin (Menteri Belia dan Sukan) dan YB Datuk Seri Johari Ghani (Menteri Kewangan II)

HARAPAN

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

21. Saya berharap agar penerima anugerah pada pagi ini akan mendapat suntikan baru dari segi komitmen, kesungguhan dan keyakinan untuk meneruskan budaya kerja cemerlang di Perbendaharaan Malaysia. Saya juga berharap penerima anugerah ini dapat memainkan peranan yang lebih positif dan konstruktif sebagai pembimbing dan rakan sejawat untuk mencapai misi dan visi Perbendaharaan.
22. Tuan-tuan dan puan-puan mesti meneruskan budaya kerja cemerlang bagi memastikan semua perancangan dan pelaksanaan kerajaan dalam Program Transformasi Perbendaharaan dan merealisasikan Malaysia sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi dicapai.

PENUTUP

23. Akhir sekali, saya sekali lagi ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang tahun 2016.

Terbang tinggi si burung helang
Berkicau kenari sambil berterbangan
Insan cemerlang negara terbilang
Anugerah diberi tanda kecemerlangan.

Berkebaya batik berwarna merah
Diserikan dengan permata berlian
Ucapan tahniah kepada penerima anugerah
Teruskan usaha naikan imej kementerian

Sekian. Terima kasih.

Kementerian Kewangan, Putrajaya

27 April 2017